



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Sinar Harian - GST@SST: Rakyat Perlu Penjelasan](#)

Sinar Harian - GST@SST: Rakyat Perlu Penjelasan

🕒 Khamis, Okt 04 2018



GST@SST: Rakyat perlu penjelasan



24 4/10/18

Isu kebaikan dan keburukan penguatkuasaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) di bawah kerajaan BN dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) di bawah kerajaan PH ditimbulkan hampir setiap hari dalam media cetak dan media elektronik.

Ia juga bagaikan tidak bosan-bosan diperkatakan dalam kalangan masyarakat di kedai-kedai kopi di kampung dan bandar.

Tetapi, sehingga hari ini ramai masih terus terpinga-pinga tentang yang mana satu lebih menguntungkan rakyat dan patut dilaksanakan.

Pada mata kasar, GSTlah yang nampaknya mengumpulkan lebih banyak dana untuk kerajaan, tetapi kerajaan PH mendakwa GST membebankan rakyat, sementara BN mendakwa sebaliknya. Katanya, hasil kutipan daripada GST sudah boleh mencecah hampir RM46 bilion setahun, tetapi pengenalan semula SST mengakibatkan pengumpulan dana berkurangan hingga RM21 bilion setahun.

Maka, rakyat yang duduk di tengah-tengah terus keliru dengan perdebatan dan pertikaman lidah pihak pelaksana dan pembangkang. Bagi rakyat, tanda aras tentang baik buruknya sistem cukai atau apa sa-

haja sistem yang dilaksanakan kerajaan bergantung kepada tahap perbelanjaan harian mereka dan naik turun harga.

Kepada pengguna, kalau GST menyebabkan mereka dapat banyak duit dan barang serta perkhidmatan menjadi lebih murah, baiklah GST tetapi kalau SST dapat mengurangkan lagi harga barang dan kos perkhidmatan, maka SSTlah, yang dikuatkuasakan PH bagi menunaikan janji manifesto PRU14, tentunya lebih menawan hati mereka.

Berdasarkan laporan terbaru, harga minyak mentah yang pada kadar AS\$30 satu tong dua tahun lalu sudah naik secara berterusan sehingga mencecah AS\$80 satu tong.

Perkembangan ini pastinya menggembirakan negara-negara pengeluar minyak, termasuklah Malaysia.

Jadi, mengambil kira harga minyak yang sudah meningkat, melihat kepada pemansuhan GST yang dikatakan merugikan rakyat dan pengenalan semula SST yang dianggap menguntungkan rakyat, pengguna mahu lihat penurunan harga barang dan kos perkhidmatan.

Hakikatnya, mereka tidak nampak secara ketara harga barang dan kos perkhidmatan sudah turun atau ada tanda-tanda akan turun. Apa lagi, apabila mereka diberitahu bahawa Bajet 2019 yang dijadualkan akan dibentangkan di Parlimen, 2 November depan adalah Bajet Pe-

ngorbanan.

Kalau itu tidak cukup, mereka juga dengar cerita bahawa ada bantuan yang diberi kini akan dikurangkan, bahkan mungkin dimansuhkan terus kerana bukan sahaja membantu kerajaan mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan, tetapi juga menghapuskan sikap bergantung kepada subsidi.

Maknanya, dalam fikiran ramai, kini sudah lima bulan kerajaan PH telah mengambil alih pentadbiran negara, tidakkah boleh mereka mulai menikmati hasil pertukaran kerajaan? Sampai bila lagi rakyat masih perlu terus ikat perut? Barangkali begitulah mereka fikir.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri awal-awal lagi sudah mempertahankan SST dengan mendakwa ia kurang membebankan rakyat berbanding GST. Katanya, dari segi jumlah kutipan, SST hanya memungut RM20 hingga RM25 bilion berbanding RM42 bilion hasil pungutan GST.

"Ini bermakna rakyat diselamatkan RM20 bilion kerana kita amal kan SST," katanya baru-baru ini.

Banyak barangan yang dahulunya dikenakan GST kini tidak dikenakan SST. Maknanya, tanggungan beban rakyat lebih ringan dengan penguatkuasaan SST, menurut Dr Mahathir.

Kini, jawapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Hal Ehwal Agama, Fuziah Salleh diharapkan dapat memberi

gambaran lebih jelas kepada rakyat. Beliau terus-terang mengakui kerajaan PH berhadapan cabaran besar dalam mentadbir kerajaan. Pada program live dengan Sinar Harian, beliau juga mengakui bukan mudah memperbaiki kerosakan yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu dalam masa singkat.

Katanya, rakyat perlu bersabar dalam mendepani keseluruhan pelaksanaan janji-janji manifesto PH.

"Kami di sini baru lima bulan, sedangkan kerosakan sudah berlaku 61 tahun, jadi takkanlah 61 tahun kerosakan dapat dibaiki dalam masa lima bulan," katanya.

Menurut Fuziah, walaupun tidak semua janji dalam manifesto PH dapat dilaksanakan lagi, banyak juga sudah yang ditepati.

Dari segi pelaksanaan SST, perlu disebut sudah ada beberapa kebaikan ditunjukkan, seperti pengecualian cukai bahan-bahan pembinaan dan usaha ke arah menurunkan harga rumah.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng percaya harga rumah patut turun dengan pengecualian cukai perkhidmatan dan bahan binaan berikutan pelaksanaan semula SST mulai 1 September lalu. Timbalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad senada dengan Guan Eng.

"Dari segi teori, kos rumah akan turun dengan adanya SST, tetapi kita kena tunggu dan lihat," katanya.

Naib Pengerusi Pemuda MCA, Nicole Wong Siaw Ting pula berpendapat, walaupun bahan pembinaan seperti simen, pasir dan besi dikecualikan dari SST, masih ada pihak yang membeli hartanah semata-mata untuk pelaburan berdasarkan spekulasi. Akibatnya, harga hartanah akan naik juga, bukan turun. Pengarah@Pengarah Jualan Bانداعا Group, Raja Umar Raja Ali berpendapat, kalau pun turun, ia hanya melibatkan apartment.

Menurutnya, cukai bukanlah penyebab kenaikan harga rumah, tetapi ketiadaan pemantauan dari segi penilaian bagi setiap kaki persegi tanah dan binaan.

Bekas Pengerusi Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan berpendapat, harga rumah tidak mungkin turun walaupun SST diperkenalkan semula. Mereka yang terlibat dalam industri hartanah dan pembinaan sepakat lebih banyak insentif diperlukan untuk menurunkan harga rumah.

Presiden Persatuan Master Builders Malaysia, Foo Chek Lee berkata, penjimatan kos projek pembinaan hanya boleh ditentukan dengan adanya senarai penuh bahan binaan yang dikecualikan dari SST.

Kita tunggu dan lihat kesan daripada pembentangan Bajet 2019 yang akan dibentangkan kerajaan baharu buat pertama kali awal bulan depan.

Pekeliling Perbendaharaan



[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216